



**PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM
PENGHASILAN CATAN PELAJAR TINGKATAN
DUA : SATU KAJIAN KES DI SEBUAH
SEKOLAH MENENGAH DI
NEGERI SELANGOR**



MAZURA BINTI AZELI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018





PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM
PENGHASILAN CATAN PELAJAR TINGKATAN
DUA : SATU KAJIAN KES DI SEBUAH
SEKOLAH MENENGAH DI
NEGERI SELANGOR

MAZURA BINTI AZELI



TESIS DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam penghasilan catan murid-murid tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di negeri Selangor. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka proses pelaksanaan pentaksiran, strategi pentaksiran yang digunakan dan aspek-aspek yang mempengaruhi pelaksanaan PBS. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kes kualitatif. Teori pembelajaran Konstruktivisme dan Model pendekatan Laura Chapman digunakan sebagai landasan teori dalam kajian. Seramai lima orang informan yang terdiri daripada guru opsyen Pendidikan Seni Visual dipilih. Data diperolehi daripada pemerhatian, temu bual dan analisis artifak. Data dianalisis secara deskriptif dan interpretif. Dapatan kajian berdasarkan temu bual mendapati tema utama yang muncul dalam pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual adalah pengetahuan, kemahiran dan kreativiti guru Pendidikan Seni Visual adalah kritikal dalam menentukan kejayaan PBS. Strategi pentaksiran yang dijalankan juga perlu diselaraskan mengikut kesesuaian dan konteks persekitaran pembelajaran antaranya pentaksiran pemerhatian, pentaksiran lisan, portfolio dan produk serta rubrik penskoran yang digunakan. Dapatan pemerhatian dan analisis artifak menunjukkan strategi pengajaran dan pembelajaran perlu selari dengan pentaksiran dan kehendak kurikulum iaitu menekankan penentuan objektif pengajaran, keupayaan murid, penerangan dan demonstrasi guru. Kesimpulannya, kelancaran dan kejayaan PBS Pendidikan Seni Visual turut dipengaruhi oleh pelbagai aspek yang boleh dikaitkan dengan persediaan dan kemahiran guru, perbezaan latar belakang, minat dan pengetahuan sedia ada murid, kemudahan prasarana dan kekangan masa merupakan antara aspek yang menentukan matlamat PBS Pendidikan Seni Visual tercapai. Implikasi kajian menunjukkan PBS sesuai dilaksanakan bagi subjek Pendidikan Seni Visual sekiranya penambahbaikan terhadap aspek-aspek yang mempengaruhi pentaksiran dapat dijalankan selaras dengan matlamat yang ingin dicapai.



SCHOOL BASED ASSESSMENT FOR THE ART OF PAINTING FOR FORM TWO STUDENTS: A CASE STUDY IN A SECONDARY SCHOOL IN SELANGOR

ABSTRACT

This study aims to identify the implementation of School Based Assessment (SBA) in the formulation of form two pupils in a secondary school in Selangor. The objective of this study is to explore the implementation process of the assessment, the assessment strategy used and the aspects that affect the implementation of SBA. The approach used in this study is a qualitative case study. Constructivism learning theory and Laura Chapman's approach were used as a theoretical foundation in the study. A total of five informants consisting of Visual Art Education option teachers were selected. The data were obtained from observation, interviews and analysis of artifacts. The data were analyzed descriptively and interpretively. The findings of the interviews found that the main theme that emerged in the implementation of SBA in Visual Art Education was the knowledge, skills and creativity of Visual Arts Education teachers, which were critical in determining the success of SBA. The assessment strategies carried out should also be adjusted according to the suitability and context of the learning environment including observation assessment, oral assessment, portfolio and product and the scoring rubric used. The finding and analysis of artifacts show that the teaching and learning strategies need to be in line with the assessment and curriculum requirements that emphasize the determination of teaching objectives, student ability, explanation and demonstration of teachers. In conclusion, the smoothness and success of SBA in Visual Art Education are also influenced by various aspects that can be attributed with the teacher's preparation and skills, the differences in background, interest and knowledge available to students, infrastructure facilities and time constraints are among the aspects that determine the goals of SBA in Visual Art Education. The implication of the study shows that SBA is appropriate for Visual Art Education subjects if improvements to aspects affecting assessment can be carried out in line with the goals to be achieved.

**ISI KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3. Tujuan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Skop Kajian	15
1.8 Catatan dan Penghasilan Karya berdasarkan Kurikulum Tingkatan Dua	16





1.9	Latar Belakang Strategi Pengajaran dan Pembelajaran PSV di sekolah	19
1.10	Kerangka Konseptual	20
1.12	Rumusan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Kurikulum Baru Sekolah Menengah PSV	26
2.2	Pentaksiran dan Penilaian	30
2.2.1	Pentaksiran dalam Pendidikan	32
2.2.2	Kaedah Pentaksiran dalam Transformasi Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK)	36
2.3	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	38
2.3.1	Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid	41
2.3.2	Komponen PBS	41
2.4	Jenis Pentaksiran	43
2.4.1	Pentaksiran Sumatif	43
2.4.2	Pentaksiran Formatif	44
2.5	Pengetahuan Guru tentang Konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah	44
2.5.1	Fungsi Pentaksiran Berasaskan Sekolah	45
2.5.2	Perbezaan PBS dengan Pentaksiran sedia ada	47
2.6	Konsep dan Teori Pembelajaran	48
2.6.1	Strategi, Pendekatan, Kaedah dan Teknik	50
2.6.2	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	50
2.7	Tinjauan Kajian Lepas	61
2.8	Proses Pembelajaran PSV	63



2.9	Rumusan	66
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendekatan Kajian	68
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	71
3.2.1	Pemerhatian	72
3.2.2	Temu bual	78
3.2.3	Analisis Artifak	85
3.2.4	Analisis Dokumen	86
3.3	Kriteria Pemarkahan	88
3.4	Informan Kajian	90
3.5	Matrik Pengumpulan Data	92
3.6	Kebolehpercayaan dan Kesahan Data	93
3.7	Proses Penyediaan Analisis Data	94
3.8	Kaedah Menganalisis Data	94
3.9	Rumusan	96

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Proses Pentaksiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran	98
4.1.1	Rubrik Pemarkahan	111
4.1.2	Standard Prestasi	117
4.1.3	Analisis Hasil Karya	120
4.1.4	Perbandingan Analisis Hasil Karya	135
4.2	Strategi Pentaksiran Pelaksanaan PBS dalam konteks Penghasilan Karya Catan	158

4.2.1 Pengetahuan dan Kefahaman Guru terhadap Pentaksiran	159
4.2.2 Proses Penghasilan Karya dalam Pengajaran dan Pembelajaran	170
4.2.3 Perbincangan, Perbezaan dan Persamaan	182
4.3 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pentaksiran	184
4.3.1 Faktor Murid	184
4.3.2 Faktor Masa	187
4.3.3 Faktor Persekitaran	188
4.4 Rumusan	191

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Perbincangan Hasil Kajian	193
5.2 Pelaksanaan Proses Pentaksiran	203
5.3 Instrumen dan Dokumen Pentaksiran	208
5.4 Strategi dan Pelaporan Pentaksiran dalam Karya	210
5.5 Fokus Pentaksiran Untuk Pembelajaran	219
5.6 Implikasi	226
5.7 Cadangan	233
5.8 Cadangan Kajian Lanjutan	236
5.9 Rumusan	238

RUJUKAN	240
----------------	------------

LAMPIRAN	248
-----------------	------------

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Sampel Kajian	16
2.2 Pernyataan Standard Mengikut Band	41
3.1 Data Proses Pemerhatian	77
3.2 Kriteria Pemarkahan	89
3.3 Informan Kajian	90
3.4 Sampel Kajian / Artifak	91
3.5 Matrik Pengumpulan Data	92
3.6 Instrumen Mengumpul Data	96
4.3 Rubrik Pemarkahan PBS	114



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.3 Langkah-Langkah dalam Menjalankan Kajian	20
2.1 Aspek Utama dalam Pentaksiran	39
2.3 Komponen PBS	41
2.4 Zon Perkembangan Proksimal Vygotsky	56
2.5 Model Pembelajaran Masteri	58
2.6 Proses Pembelajaran PSV	63
5.1 Domain dalam Diri Manusia	197



SENARAI SINGKATAN

APEC	Asia Pasific Economic Cooperation
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPM	Fail Perkembangan Murid
IAEA	International Association for Education Assessment
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPPM	Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid
PSV	Pendidikan Seni Visual
SPPBS	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SPPK	Sistem Peperiksaan Pendidikan Kebangsaan





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan EPRD
- B Surat Kelulusan JPN
- C Surat Permohonan Menjalankan Kajian
- D1 Rancangan Pengajaran Harian Responden
- D2 Rancangan Pengajaran Harian Responden
- D3 Rancangan Pengajaran Harian Responden
- D4 Rancangan Pengajaran Harian Responden
- D5 Rancangan Pengajaran Harian Responden
- E Modul Perekodan Perkembangan Pembelajaran Murid
- F Rumusan Perkembangan Pembelajaran Murid
- G Pelaporan Pentaksiran Sekolah Individu
- H Borang Prestasi
- I RPH Lengkap
- J Matrik Pemerhatian Guru
- K Senarai Semak Skor Matrik Guru



BAB 1

PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan keseluruhan aspek penting yang berkaitan dengan bidang pentaksiran secara lebih umum dengan membincangkan isu-isu dalam pentaksiran, latar belakang dan konsep, aspek penilaian serta pernyataan masalah yang akan diketengahkan dalam kajian. Bab ini juga turut membincangkan objektif dan persoalan kajian yang akan dijadikan panduan dalam menjawab persoalan kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pentaksiran dalam kajian ini merujuk kepada proses mendapatkan maklumat dan menggunakannya untuk membuat keputusan tentang pelajar, kurikulum, program atau



dasar dan keperluan Penilaian Berasaskan Sekolah (Mokhtar Ismail 2009). Lembaga Peperiksaan Malaysia (2000), menghuraikan pentaksiran sebagai sebahagian dari proses pembelajaran dan aktiviti pentaksiran dijalankan secara berterusan. Dalam konteks pendidikan juga, pentaksiran dianggap sebagai suatu proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberikan skor (markah) dan menterjemah maklumat tentang pembelajaran seseorang murid bagi sesuatu tujuan tertentu. Dalam kajian ini pentaksiran merujuk kepada proses merancang, mengurus, melaksana dan membuat pelaporan terhadap suatu proses penilaian diperingkat sekolah iaitu Pentaksiran berasaskan sekolah.

PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum kebangsaan. PBS dikendalikan di sekolah yang melibatkan peringkat perancangan, pembinaan, pentadbiran, peperiksaan dan laporan oleh guru di sekolah yang membabitkan pihak-pihak berkepentingan (stakeholder) seperti murid, ibu bapa, guru dan organisasi luar. PBS dilaksanakan di sekolah secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh LPM bagi mentaksir bidang akademik dan bukan akademik. PBS juga melibatkan proses mengumpul maklumat yang autentik oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran yang dibuat adalah mengikut peringkat kebolehan dan standard perkembangan murid tersebut. PBS secara formatif adalah bertujuan memperbaiki pembelajaran (*assessment for learning*) manakala PBS secara sumatif adalah untuk menilai sejauh mana murid telah menguasai apa yang dipelajari (*assessment of learning*). Bagi kedua-dua cara PBS tersebut, guru dan murid akan merujuk kepada satu set pernyataan standard prestasi yang menjadi kayu ukur bagi





pentaksiran yang jelas yang ditetapkan oleh sekolah berdasarkan standard prestasi yang digariskan oleh KPM.

Berdasarkan PBS, Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM) ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur merujuk standard. Panduan perkembangan ini menjelaskan tentang band yang boleh diperoleh oleh murid berdasarkan kemahiran murid bermula dari band 1 sehingga band 6. Dokumen Standard Prestasi yang telah diguna pakai sebelum ini telah diganti menjadi Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid yang lebih fleksibel bagi membantu guru untuk memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran serta merancang pentaksiran yang sesuai untuk murid.



Eviden pula merujuk kepada bahan atau bukti yang dijadikan sebagai rujukan oleh guru dalam menentukan prestasi murid. Eviden terbahagi kepada dua iaitu murid dan instrumen. Eviden bagi murid ialah suatu pernyataan yang menerangkan cara-cara seseorang murid melaksanakan perkara yang diketahui dan dikuasai berdasarkan deskriptor. Eviden bagi instrumen pula ialah bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk produk atau proses yang dapat dijadikan bukti kepada prestasi yang akan diberikan kepada murid manakala *band* pula merupakan label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hieraki bagi tujuan pelaporan individu. Setiap band mempunyai pernyataan standard yang berbeza mengikut band 1 sehingga band 6 dan diperjelaskan berdasarkan aras demi aras yang telah dikuasai oleh seseorang murid.





Pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang baru bermula pada tahun 2011 secara tidak langsung telah mengubah corak pengajaran dan pembelajaran dalam semua mata pelajaran umumnya dan turut memberi kesan kepada subjek Pendidikan Seni Visual khususnya. Teknik mengajar yang sering dipraktikkan oleh guru adakalanya perlu diubah untuk disesuaikan dengan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan selepas ini akan disebut sebagai PBS. Walaupun sukatan pelajaran dan topik pengajaran yang di ajar masih sama, namun setiap guru mempunyai teknik dan kaedah yang berlainan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan ia berbeza pula mengikut tahap murid.

Melalui PBS, pendekatan serta sistem penilaian juga berbeza mengikut topik yang di ajar supaya berjaya merangsang kreativiti murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut Reid (2005) dalam buku *Leading the Way to Assessment for Learning: A Practical Guide* ada menyatakan sekiranya guru tidak ghairah tentang pembelajaran, maka mereka juga boleh dikatakan tidak ghairah mengajar murid untuk belajar. Guru bertanggung jawab untuk merangsang murid supaya berminat dengan apa yang diajar oleh guru. Justeru, guru harus lebih kreatif dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dengan teknik yang berbeza dan mampu menarik minat murid untuk fokus dan meneruskan pembelajaran. Sistem penilaian pendidikan sebelum ini lebih berorientasikan peperiksaan dan penekanan terhadap pengetahuan teori kepada murid manakala melalui sistem PBS ini, peperiksaan bukan lagi instrumen pengukuran murid sepenuhnya. Sistem ini lebih menekankan penglibatan murid dalam setiap aktiviti yang dilakukan dan ia dilakukan secara berterusan





terhadap murid. Sistem pendidikan nasional sedia ada telah menekankan perkara ini. Adakah kita semua bersedia untuk merealisasikan transformasi tersebut?

Kunci utama dalam memastikan berjaya atau tidak sesuatu pelaksanaan dasar kerajaan sebenarnya terletak dibahu pentadbiran sekolah itu sendiri. Barisan pentadbir dan pendidik amat memainkan peranan penting dalam menjayakan tranformasi tersebut. Sistem pentadbiran disekolah dan komitmen guru merupakan penentu hala tuju pendidikan kini dan tahun-tahun yang akan datang. Menurut Kamaruddin (1995), suasana atau iklim merujuk kepada beberapa aspek perhubungan sosial yang terdapat dalam kawasan sekolah, keadaan fizikal, sistem pentadbiran, prestasi murid dan persekitaran sekolah. Pernyataan tersebut sependapat dengan Leong (1990) yang menyatakan iklim sekolah sering dilihat mempunyai pengaruh besar terhadap pencapaian akademik pelajar.

Justeru, sistem pentadbiran sekolah yang merangkumi semua aspek harus menyediakan kepimpinan pengurusan sekolah yang berkesan. Banyak kajian menunjukkan dimensi yang menyumbang kepada iklim sekolah ialah barisan kepimpinan sekolah (Brooker & Lozotte 1979; Edmonds 1979; Hall 1973; Purkey & Smith 1982 dalam (Reid, 2005). Bilik darjah dan sekolah akan menjadi lebih berkesan sekiranya guru yang bermutu dan berkualiti di ambil sebagai tenaga pengajar dan suasana tempat kerja yang kondusif disediakan untuk menaikkan semangat guru dalam menyempurnakan tugas sebagai penyampai ilmu. Perkataan seni disenaraikan sebagai “*craft, skill, mastery, expertise, dan knowledge*” yang mana





kesemuanya membawa kepada perbuatan perlu diajar, perlu diperturun dan diperjelaskan (Thesaurus; 1995 dalam Jamilah Omar; 2013).

1.2 Pernyataan Masalah

Strategi pentaksiran merupakan elemen yang paling penting dalam sistem ini kerana banyak mempengaruhi gred dan prestasi pelajar. Menurut Griffin dan Nix dalam Endang Kurniawan & Endah Mutaqimah, 2009:3) menyatakan penilaian merupakan suatu pernyataan berdasarkan sejumlah fakta untuk menjelaskan karakteristik seseorang atau sesuatu. Pernyataan beliau turut disokong oleh Anas Sudijono (2011:4-5) dalam Ong Li Choo (2012) yang turut menyatakan penilaian bererti menilai sesuatu sedangkan pentaksiran bererti mengambil keputusan terhadap sesuatu dengan berdasarkan atau berpandukan ukuran baik atau buruk, sihat atau sakit, pandai atau bodoh dan sebagainya.

Dalam pengajaran dan pembelajaran seni visual, pentaksiran dilakukan dalam beberapa kaedah iaitu teori dalam peperiksaan dan penilaian secara individu dalam aktiviti pembelajaran seni visual. Justeru, instrumen penilaian yang digunakan dalam mengukur atau menilai proses penghasilan karya itu sendiri perlu diambil kira. Elemen pentaksiran karya seni visual terdiri daripada komponen seni halus lukisan, catan, komponen kraf, reka bentuk dan apresiasi seni bukan sahaja perlu berdasarkan kertas jawapan peperiksaan yang mengukur pengetahuan murid sebaliknya prestasi dinilai dan ditaksir sepanjang proses pembelajaran itu berlaku.





Pentaksiran dianggap sebagai sebahagian daripada proses mengukur, menilai dan mentafsir keseluruhan kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran serta memainkan peranan dalam proses pemilihan, akauntibiliti, pemulihan, diagnostik, bimbingan dan penentuan keperluan pembangunan pendidikan. Sistem pentaksiran semasa bertumpu kepada peperiksaan khususnya peperiksaan awam yang mendorong murid untuk lebih menumpukan pencapaian akademik dan berjaya dalam peperiksaan. Dalam proses penghasilan kerja kursus pula dengan hanya menilai produk akhir yang telah siap. Di dalam konteks Pendidikan Seni Visual, proses keberhasilan sesuatu produk atau karya juga merupakan aspek yang penting bagi seseorang murid dan patut dinilai, bukan sekadar melihat dan menilai sesuatu yang telah siap. PBS dalam aspek *assessment of learning* membantu mentaksir murid sepanjang proses pembelajaran yang dijalankan bermula dari awal pembelajaran sehingga produk siap. Justeru, murid dapat ditaksir dengan adil mengikut kebolehan dan kemahiran masing-masing.

Subjek pendidikan seni merupakan antara cabang yang dilihat dapat merangsang minda ke arah yang lebih kreatif. Proses pembentukan kreativiti itu sendiri perlu mengambil masa untuk dibentuk dari satu tahap ke satu tahap yang seterusnya. Oleh yang demikian, perlaksanaan sistem PBS dalam subjek seni visual ini diharap mampu merangsang kreativiti dalam penghasilan karya murid khususnya karya catan dengan lebih berkesan dari sistem yang berorientasikan peperiksaan sebelum ini yang menyebabkan setiap murid berlumba-lumba untuk mendapatkan “A” sebanyak mungkin tanpa memikirkan bagaimana cara memperolehnya.

“Sikap yang terlalu obses kepada peperiksaan berpusat dalam sistem pendidikan kebangsaan menyebabkan murid tidak dapat mencapai inovasi dan kreativiti maksimum. Terlalu banyak peperiksaan diperingkat rendah dan





menengah sebagai faktor kepada murid tidak dapat membina bakat, kebolehan dan potensi mereka dalam jurusan yang diminati.”

(Utusan Malaysia, 29 September 2005)

Justeru, aktiviti penghasilan karya seni murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dapat dinilai melalui eviden yang telah dirancang oleh guru selain melihat kaedah dan pendekatan guru dalam merangsang kualiti, kreativiti dan kritis murid. Idea dan pemikiran yang kreatif akan dapat di jana dengan baik sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam keadaan yang tenang dan selesa. Pembelajaran paling berkesan apabila berlaku dalam keadaan yang seronok (Kline, 2005 dalam Reid (2005). Oleh yang demikian, guru harus bijak dalam menentukan aktiviti bagi menarik perhatian murid dan seterusnya dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu berjalan lancar dan menyeronokkan.

Sistem pentaksiran berpusat (*centralized*) ini juga dilihat kurang memberi autonomi kepada guru dalam mentaksir murid yang mempunyai tahap dan kebolehan yang berlainan. Pentaksiran yang bersifat '*one size fits all*' ini telah mengabaikan aspek perbezaan antara individu dan secara tidak langsung telah membantutkan perkembangan murid secara holistik dari segi jasmani dan rohani. Fenomena ini sekaligus menyebabkan timbulnya persepsi dalam kalangan masyarakat umumnya dan ibu bapa khususnya yang melihat sekolah hanya berperanan sebagai institusi yang hanya menyediakan murid untuk menghadapi peperiksaan semata-mata dan murid hanya belajar untuk bersedia dalam menghadapi peperiksaan.





Sistem pentaksiran yang diamalkan kini lebih menjurus kepada *assessment of learning* iaitu pentaksiran kepada pembelajaran bukannya *assessment for learning* iaitu pentaksiran untuk pembelajaran. Guru mentaksir murid untuk mengukur pencapaian belajar dan tujuan penempatan, pemilihan serta penganugerahan sijil. Pentaksiran diukur berdasarkan markah yang diperoleh dalam peperiksaan. Peperiksaan pula membentuk situasi anak-anak belajar dan guru mengajar semata-mata mengikut garis panduan kurikulum dan sukatan pelajaran yang dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) sedangkan untuk menghasilkan modal insan yang cemerlang, potensi murid harus diperkembangkan dengan sepenuhnya dari pelbagai aspek oleh guru. Fenomena ini jelas membawa kepada suatu sistem pentaksiran kini semakin tidak relevan kerana pembinaan modal insan secara holistik tidak diberi penekanan. Menyedari kelemahan dan kekurangan sistem pentaksiran semasa, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Lembaga Peperiksaan Malaysia telah melakukan tranformasi dalam sistem pentaksiran dengan melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula pada tahun 2011.

Pentaksiran kepada pembelajaran atau *assessment of learning* adalah pentaksiran berbentuk sumatif yang diaplikasi untuk memastikan apa yang diketahui dan apa yang murid boleh lakukan, mendemonstrasikan sama ada mereka berjaya mendapatkan atau memahami kehendak hasil kurikulum. Guru juga memberi tumpuan dan penekanan dalam memastikan mereka telah menggunakan dan menjalankan pentaksiran bagi tujuan mengukur dan melaporkan tahap pencapaian serta memberikan kenyataan yang tepat dan bermakna terhadap kebolehan murid. Pentaksiran ini boleh dijalankan dalam bentuk peperiksaan bagi topik yang telah diajar dan menggunakan rubrik pemarkahan bagi mengukur dan memberikan gred.





Justeru, guru mampu memberikan penumpuan yang berbeza kepada murid berdasarkan ged supaya tidak ada pelajar yang tercicir dalam pelajaran.

Pentaksiran untuk pembelajaran atau *assessment for learning* pula merupakan proses pembelajaran yang berbentuk fomatif dan berterusan. Ia lebih bersifat memperbaiki pembelajaran serta kemahiran murid dalam setiap aspek pembelajaran. Melalui pentaksiran ini, murid mampu mempertingkatkan lagi pembelajaran melalui maklum balas yang diperoleh dalam pembelajaran. Guru dapat membantu murid dalam memperbaiki pembelajaran dan fokus kepada pembelajaran murid dalam aktiviti yang dirancang. Pentaksiran ini juga lebih membina motivasi kepada murid kerana murid tahu apa yang perlu diperbaiki dan tujuan belajar serta guru juga akan lebih sensitif dan konstruktif kepada keperluan murid.



Berbeza dengan sistem pentaksiran sedia ada yang agak rigid dan sukar dalam mentaksir murid, PBS banyak memberi autonomi atau pengiktirafan kepada guru dalam melaksanakan pentaksiran baik dari aspek sumatif atau formatif mengikut kesesuaian dan berasaskan sekolah. Secara tidak langsung, kredibiliti dan integriti sebagai seorang guru dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Ini kerana guru merupakan individu yang paling sesuai mentaksir murid dan lebih memahami konteks yang sesuai dengan persekitaran dan perkembangan murid selain membantu perkembangan murid secara berterusan serta menjalankan tindakan susulan yang bersesuaian dengan murid.





Dalam pembelajaran catan di sekolah, sistem pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) sangat sesuai diamalkan kerana mempunyai banyak kelebihan dari aspek pentaksiran secara formatif dan berterusan. Proses penghasilan karya catan dapat ditaksir dari awal langkah penghasilan sehingga karya siap dan dapat melalui fasa penambahbaikan serta memperbaiki tahap kemahiran sebelum pentaksiran atau skor diberikan oleh guru. PBS yang mempunyai keserasian dengan kehendak kurikulum dengan mengambil kira kemahiran, sikap dan nilai murni yang ingin dikembangkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Skor murid juga berdasarkan kriteria dan tidak relatif kepada calon lain, luwes iaitu tidak rigid dari segi jadual, tempat dan kaedah serta ditaksir apabila calon bersedia. Secara tidak langsung, pentaksiran yang dijalankan berpaksikan pembinaan insan dalam menanam aspek nilai murni serta telus dan terbuka kerana murid berpeluang mengetahui apa yang ditaksir, bila ditaksir, bagaimana dan di mana pentaksiran dibuat.

Pentaksiran juga mencakupi kebolehlaksanaan dan sistematik dengan aplikasi kepelbagaian instrumen dalam pentaksiran yang dijalankan untuk memberi cakupan yang luas dan evidens yang banyak dalam menggambarkan pencapaian sebenar murid secara formatif dan berterusan. Justeru, murid diberi peluang untuk meningkatkan pencapaian dan memperbaiki skor serta mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi jika dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan bagi menghasilkan pelaporan yang positif untuk menggalakkan murid memperbaiki tahap penguasaan dari semasa ke semasa. Ini akan menghasilkan murid yang lebih kreatif dan kemahiran sedia ada dapat di pupuk supaya lebih berkembang. Murid juga lebih berkeyakinan dalam meneruskan aktiviti penghasilan seni yang lain kerana





pentaksiran yang dijalankan dapat memperbaiki kelemahan murid sekaligus mampu meningkatkan kemahiran ke arah yang lebih baik.

Perlaksanaan kaedah pentaksiran ini memerlukan banyak elemen kejujuran, keikhlasan dan sikap profesional guru amat diperlukan. Ini kerana guru merupakan orang yang sentiasa berada di barisan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan lebih mengenali muridnya dalam setiap aspek yang perlu ditaksir. Pembaharuan ini juga penting khususnya untuk menguruskan isu murid tidak meminati pembelajaran di sekolah serta murid yang menunjukkan perbezaan dari segi kecerdasan, potensi dan kebolehan sekaligus mengurangkan masalah keciciran murid dalam pelajaran. Menurut Klenowski (1996), guru perlu memahami hubungan antara aspek pedagogi, pentaksiran dan kurikulum. Selain itu, guru harus menjadikan falsafah pendidikan sebagai teras dalam menjalankan tugas. Pemikiran guru yang berlandaskan kepada prinsip falsafah akan memberi kesan keatas tingkah laku guru tersebut dan hasil pembelajaran muridnya (Clark dan Peterson; 1986).

Banyak kajian telah dilakukan tentang kesediaan dan keberkesanan para guru dalam pelaksanaan PBS terhadap mata pelajaran tertentu, namun penyelidikan terhadap proses pentaksiran dalam subjek Pendidikan Seni Visual yang berlaku di sekolah masih kurang dilakukan. Ini telah menimbulkan kesedaran dan seterusnya mencetuskan idea pelaksanaan kajian ini iaitu untuk mengenal pasti pelaksanaan PBS dalam proses penghasilan karya catan murid subjek Pendidikan Seni Visual tingkatan dua.





1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Pendidikan Seni Visual dalam proses penghasilan karya catan murid tingkatan dua.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Mengenalpasti proses pelaksanaan pentaksiran dalam penghasilan karya catan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid.

1.4.2 Menganalisis strategi pentaksiran hasil karya catan bagi tujuan rekod prestasi murid melalui PBS oleh guru.

1.4.3 Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pentaksiran karya catan.

1.5 Persoalan Kajian

1.5.1 Apakah proses persediaan yang guru lakukan sebelum melaksanakan pengajaran dan pembelajaran catan berasaskan PBS?

1.5.2 Bagaimanakah guru-guru melaksanakan PBS dalam konteks penghasilan karya catan?

1.5.3 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pentaksiran karya catan berasaskan sekolah?





1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

1.6.1 Kajian ini dapat membantu guru sebagai pentaksir sekolah untuk mengenalpasti proses penilaian berdasarkan sistem pentaksiran berasaskan sekolah yang digunakan dalam menilai karya catan murid berdasarkan eviden serta deskripsi yang telah disediakan .

1.6.2 Kajian ini juga dapat membantu guru dan pihak pentadbir sekolah untuk meninjau dan seterusnya menganalisis proses pentaksiran terhadap proses penghasilan karya catan murid dalam aktiviti seni visual yang dijalankan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut perancangan guru berdasarkan deskriptor yang telah ditetapkan.

1.6.3 Kajian ini juga dapat membantu dalam mengenalpasti proses penilaian secara berterusan yang berlaku dalam proses penghasilan karya catan berdasarkan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan kekangan guru dalam mentaksir murid sekaligus dapat dijadikan rujukan guru-guru pendidikan seni visual dalam melaksanakan proses Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).



1.6.4 Kajian ini juga diharap dapat menjadi panduan pihak sekolah untuk memahami proses pentaksiran dalam bidang pendidikan seni visual sebagai salah satu komponen disiplin ilmu yang dapat mengukur dengan jelas tahap dan kebolehan murid-murid dengan menggunakan bahan dan teknik, aplikasi kemahiran serta pembentukan kreativiti dan inovasi dari awal usia.

1.6.5 Kajian ini juga dapat membantu guru mendapat satu garis panduan dalam menyediakan (sebelum), melaksanakan (semasa) dan strategi dalam penilaian PBS di sekolah.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dilaksanakan ke atas murid tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di sekitar Lembah Kelang. Sampel terdiri daripada semua murid tingkatan dua di sekolah berkenaan yang terdiri daripada lima buah kelas dan seramai 148 orang murid. Informan pula terdiri daripada lima orang guru opsyen Pendidikan Seni Visual yang mengajar subjek Pendidikan Seni tingkatan dua di sekolah yang akan dikaji di sekitar Hulu Selangor. Jadual di bawah menunjukkan sampel yang digunakan dalam menjalankan kajian.

Jadual 1.1

Sampel Kajian

Murid tingkatan 2	Bilangan Murid	Guru Mengajar	Pengalaman mengajar	Institusi
Kelas A	25	R1	9	UPSI
Kelas B	29	R2	9	UPSI
Kelas C	31	R3	15	UiTM
Kelas D	30	R4	8	USM
Kelas E	33	R5	13	UiTM

1.8 Catatan dan Penghasilan Karya berdasarkan Kurikulum Sukatan Tingkatan 2

Kurikulum Pendidikan Seni Visual bagi tingkatan dua menjelaskan tentang aktiviti pembelajaran murid yang perlu diajar oleh guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Pendekatan dan strategi yang digunakan oleh guru adalah berdasarkan kreativiti guru masing-masing dalam mengolah aktiviti yang akan dilaksanakan. Namun, isi pelajaran yang akan disampaikan haruslah merujuk kepada sukatan pelajaran yang telah digariskan dalam kurikulum PSV yang bermatlamat dalam memastikan pembentukan generasi yang celik budaya dan mempunyai nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif.

Sukatan bagi kurikulum seni tingkatan dua dalam bidang seni halus catan pula akan berfokus kepada proses, gubahan dan fungsi seni visual yang perlu difahami oleh murid dan dapat berkomunikasi dalam bidang seni halus catan yang telah dan



akan dipelajari. Kandungan kurikulum pendidikan seni visual tersebut selaras dengan pendekatan yang digunakan oleh Laura Chapman yang melibatkan aras - aras dalam pelajaran. Antaranya ialah penjanaan idea dan proses yang melibatkan mesej atau kandungan yang ingin disampaikan, proses pengwujudan idea dan olahan idea dengan lebih kreatif dan inovatif dalam penghasilan karya catan. Kandungan kurikulum juga mampu membantu dalam melahirkan murid yang sentiasa bersyukur kepada tuhan, menghargai keindahan alam sekitar, keindahan seni dan warisan bangsa yang peka terhadap persekitaran dan dapat memberi sumbangan yang besar dalam membangunkan modal insan, keluarga dan masyarakat selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Hasil pembelajaran berdasarkan sukatan yang perlu diterapkan adalah berkaitan dengan olahan karya murid yang melibatkan elemen-elemen asas seni reka iaitu unsur seni dan prinsip rekaan yang akan dipelajari. Aplikasi media dan teknik yang pelbagai seperti media cat air, cat poster dan media campuran perlu dan akan didedahkan kepada murid selain memperkenalkan pelbagai media. Begitu juga dengan teknik penghasilan dalam menggunakan bahan dan media perlu diterokai oleh murid dalam penghasilan karya seperti teknik basah atas basah, teknik basah atas kering, teknik berus kering dan kecatan yang akan memberikan hasil yang berbeza kepada karya murid. Eksplorasi terhadap bahan dan teknik sangat digalakkan kepada murid supaya sentiasa berkeyakinan dalam menjalankan aktiviti dan berkarya.

Isi pelajaran juga mengikut aras yang telah dinyatakan supaya murid belajar menguasai sesuatu isi kandungan mengikut aras pembelajaran. Aras 1 menekankan





aktiviti mengumpul maklumat berkaitan dengan unit pembelajaran seperti seni halus catan. Murid akan didedahkan dengan teori, sejarah dan perkembangan seni catan yang akan dipelajari. Mana kala aras 2 pula melalui proses aplikasi asas seni reka dalam proses penghasilan karya Seni halus. Aras ini akan memfokuskan murid terhadap aktiviti penghasilan seni halus catan setelah murid memahami dan mengetahui seterusnya menguasai teori atau ilmu berkaitan dengan seni halus catan yang akan dihasilkan. Seterusnya ialah berkomunikasi melalui aktiviti catan yang dijalankan secara spontan dan lebih terancang di samping dapat membanding beza jenis komunikasi visual yang dipelajari dalam catan.

Aras 3 pula menekankan aktiviti dalam mengolah prinsip rekaan dengan memberi perhatian kepada kadar banding, hubungkaitan kedudukan objek, perspektif, satah, dan imbangan. Ini merupakan elemen yang perlu dipelajari oleh murid dalam berkarya. Seterusnya menggunakan pelbagai alat, media dan teknik dalam catan berdasarkan tema yang meliputi persekitaran keluarga dan masyarakat. Aras ini juga turut menjana kemahiran komputer untuk meningkatkan daya kreativiti dalam proses pengwujudan idea murid dan akhir sekali adalah membuat kemasan hasil karya serta penyediaan portfolio. Ketiga-tiga aras ini bertepatan dengan konsep bagi melahirkan murid yang kreatif, inovatif dan inventif sekiranya dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh guru mengikut susunan aras tersebut dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid.





1.9 Latar Belakang Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual di Sekolah

Keteguhan kurikulum yang menjadi struktur, falsafah, kandungan dan tujuan untuk membawa perubahan yang bermakna kepada setiap murid merupakan nadi dalam proses pendidikan. Mat Desa Mat Rozi (2000) menjelaskan keteguhan dalam sesuatu kurikulum akan membantu menyemarakkan lagi aliran pendidikan. Justeru, PSV merupakan antara salah satu mata pelajaran yang terawal diperkenalkan di sekolah. Ini dapat dibuktikan dengan pembukaan Penang Free School di Pulau Pinang pada tahun 1916 yang menjadikan pendidikan seni merupakan antara mata pelajaran yang diajar disekolah. Berdasarkan kurikulumnya yang memperkenalkan lukisan dan catan kepada murid-murid di sekolah dalam bilik darjah melalui pengajaran secara formal.




Kurikulum seni dalam kandungan dan sukatannya dipengaruhi oleh sistem pendidikan barat pada awalnya. Ini dapat dibuktikan dengan pernyataan Shukor Hashim dan Solihin Osman (2000) yang menjelaskan pengaruh seni lukis barat dan nilai budayanya bermula di sekolah-sekolah di Malaysia apabila diperkenalkan oleh penjajah Inggeris apabila pendidikan seni secara formal diperkenalkan. Misalnya Kitab Pedoman Guru penggal I pada tahun 1928. Dussek & Muhammad Hashim Talib, (1928) dan disusuli pula dengan kitab kedua iaitu Kitab Pedoman Guru penggal II pada tahun 1929 (Dussek & Muhammad Hashim Talib, 1928) (dalam Johanes, 2012).

Kedua-dua kitab tersebut adalah menggariskan panduan dalam menyediakan kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran yang ingin dirancang dalam



aktiviti pengajaran dari yang mudah kepada yang lebih sukar. Antaranya ialah langkah-langkah asas dalam menggunakan media pensil, pemadam dan pembaris dan seterusnya lakaran dalam bentuk-bentuk asas seperti bulat, empat segi, segi tiga, dan seterusnya melakar objek bunga dan binatang yang berbentuk geometri. Menurut Ahmad Suhaimi Mohd Noor (2007), dunia visual negara telah terikat dan sentiasa terikat dengan gaya serta cara dunia visual barat bukan sahaja dalam lukisan tetapi juga penulisan.

1.10 Kerangka Konseptual



Rajah 1.3 Langkah-langkah dalam melaksanakan kajian

Konseptual kajian dirangka bagi menjelaskan perjalanan aktiviti pengajaran berdasarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan aktiviti penghasilan karya seni halus catan, aktiviti yang dijalankan harus menekankan tiga domain utama



yang melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor berdasarkan strategi dan kaedah yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga domain tersebut akan melalui proses pentaksiran bagi mengenalpasti dan menilai kemahiran sedia ada murid dan sekaligus mengembangkan lagi kemahiran murid secara lebih holistik berdasarkan sukatan pelajaran dalam kurikulum pendidikan seni visual yang telah disediakan. Proses pentaksiran yang dijalankan oleh penyelidik akan melalui tiga fasa iaitu sebelum aktiviti penghasilan, semasa aktiviti dijalankan dan selepas tamat aktiviti pembelajaran.

Fasa pertama yang berlaku ialah proses persediaan iaitu sebelum aktiviti pembelajaran bermula. Guru akan membuat persediaan terhadap perancangan aktiviti yang akan dijalankan berdasarkan perancangan yang telah dirangka untuk murid dan objektif yang ingin dicapai hasil dari pengajaran guru. Guru juga turut merancang dalam menetapkan strategi dan pendekatan yang akan digunakan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran penghasilan karya catan murid berlaku. Pemilihan pendekatan dan strategi yang bersesuaian dengan murid dan aktiviti yang akan dijalankan secara tidak langsung mampu mengembangkan bakat dan kemahiran murid. Proses ini memainkan peranan penting kerana banyak membantu guru dalam memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar dan proses pentaksiran terhadap persediaan murid dari aspek kognitif dan afektif turut dapat dinilai pada fasa tersebut.





Fasa seterusnya ialah proses pentaksiran yang akan dijalankan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran seni halus catan. Guru akan memulakan proses pengajaran yang telah dirancang terlebih dahulu dan murid akan melalui proses pembelajaran berdasarkan aktiviti yang telah disediakan. Pelaksanaan pengajaran guru berdasarkan pendekatan dan strategi menarik yang telah dirancang dengan baik dan bersesuaian dengan topik pengajaran mampu menjadikan sesuatu aktiviti pengajaran akan menjadi lebih menarik dan menyeronokkan. Secara tidak langsung dapat menarik perhatian murid untuk meneruskan aktiviti seterusnya tanpa perlu dipaksa. Ini dapat menjadikan proses pentaksiran berlaku dari aspek psikomotor murid iaitu penglibatan murid semasa proses penghasilan karya catan. Murid dapat dinilai dari pelbagai aspek kemahiran sama ada mencatat atau melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran pada masa itu. Pengajaran guru juga adalah berdasarkan model DBAE selaras dengan kurikulum PSV yang menekankan disiplin dalam pengajaran seni semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta semasa membuat pentaksiran yang lebih bersifat formatif kepada murid tanpa mengira masa dan tempat untuk memberikan penilaian yang sesuai kepada murid.

Proses pentaksiran selepas proses pengajaran dan pembelajaran pula merupakan refleksi yang diperoleh hasil dari pengajaran guru yang dapat melihat sejauh mana objektif pengajaran yang dirancang dapat dicapai dan pentaksiran berasaskan sekolah yang dijalankan selaras dengan kehendak kurikulum sekolah. Objektif atau hasil pembelajaran harus dicapai berdasarkan pendekatan yang telah dipilih oleh guru. Fasa ini juga dapat menilai strategi dan pendekatan yang digunakan oleh guru dari awal proses pengajaran dan pembelajaran sehingga proses tersebut





berakhir bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan atau pun perlu diberi penambahbaikan atau diubahsuai mengikut situasi. Pentaksiran terhadap hasil karya yang dihasilkan oleh murid juga akan dinilai berdasarkan elemen pentaksiran berasaskan sekolah mengikut rubrik dan kriteria yang telah disediakan.

Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran dalam aktiviti penghasilan catan akan dapat mengenalpasti persediaan guru dalam menjalankan pentaksiran, strategi pentaksiran hasil karya catan dan sekaligus mengenalpasti proses pentaksiran sama ada selari dengan keperluan kurikulum pendidikan seni visual sekolah menengah. Aspek pentaksiran yang dijalankan meliputi semua aspek bukan sahaja menilai hasil karya akhir murid sahaja tetapi menilai keseluruhan aspek secara lebih holistik berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang memberikan autonomi kepada guru untuk memperkembangkan kemahiran sedia ada murid berdasarkan tiga domain utama kognitif, afektif dan psikomotor murid ke arah yang lebih inovatif dan inventif.

1.12 Rumusan

Bab ini telah mengemukakan latar belakang kajian dan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian untuk dijalankan serta definisi dan istilah yang digunakan dalam kajian ini. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah kerangka konseptual yang akan memberi gambaran keseluruhan terhadap kajian mengikut perkembangan yang telah dibincangkan. Secara keseluruhan kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti proses pentaksiran yang dijalankan dalam proses penghasilan karya catan murid tingkatan dua dari aspek persediaan guru, strategi pentaksiran yang





digunakan dalam pentaksiran dan seterusnya proses pentaksiran yang dilaksanakan selari dengan kehendak kurikulum Pendidikan Seni Visual sekolah menengah. Penghuraian seterusnya akan dibincangkan dalam sorotan literatur dalam bab dua.

